

**PANDUAN PEMINJAMAN UBAT-UBATAN OLEH  
HOSPITAL/KLINIK PERUBATAN SWASTA DARI  
HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA (KKM) SEMASA KRISIS BEKALAN  
UBAT-UBATAN DI PASARAN MALAYSIA**

Disediakan oleh: Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 22 Julai 2022

# **PANDUAN PEMINJAMAN UBAT-UBATAN OLEH HOSPITAL/KLINIK PERUBATAN SWASTA DARI HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SEMASA KRISIS BEKALAN UBAT-UBATAN DI PASARAN MALAYSIA**

## **1. TUJUAN**

Panduan ini adalah untuk kegunaan mana-mana Pengamal Perubatan Swasta (PPS) dari sesebuah hospital atau klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] bagi tujuan peminjaman bekalan ubat-ubatan susulan kenyataan media Menteri Kesihatan Malaysia pada 13 Jun 2022 berkaitan isu krisis bekalan ubat di pasaran Malaysia.

Panduan ini akan terbatal dengan sendirinya sekiranya terdapat pemakluman pembatalan arahan peminjaman ubat kepada hospital/klinik perubatan swasta.

## **2. PENGENALAN**

Isu kekurangan dan krisis bekalan ubat-ubatan di klinik dan hospital swasta serta farmasi komuniti di Malaysia telah dilaporkan sejak kebelakangan ini berikutan pelbagai faktor luaran seperti yang dinyatakan oleh *Malaysian Association of Pharmaceutical Suppliers* (MAPS) dalam artikel *Malaysia Facing Medicine Shortages, Potential Price Hikes from China Lockdowns, Russia-Ukraine War* yang disiarkan di sebuah portal berita.

Sehubungan itu, KKM telah merumuskan beberapa langkah penyelesaian sementara. Antaranya ialah hospital/klinik perubatan swasta boleh memohon pinjaman bekalan ubat-ubatan dari semua hospital KKM terdekat dan yang mempunyai stok. Hospital KKM boleh menimbang peminjaman bekalan ubat-ubatan untuk kegunaan ketika krisis bekalan dengan memastikan terlebih dahulu **ketersediaan dan baki stok ubat-ubatan mencukupi untuk kegunaan aktiviti harian hospital KKM.**

## **3. TAKRIFAN**

- i) **“Krisis bekalan”** merujuk kepada gangguan ubat ketika krisis bekalan ubat di pasaran Malaysia.

- i) **“Ubat”** adalah ubat yang tersenarai dalam Fomulari Ubat KKM (FUKKM). Ubat-ubatan ini meliputi ubat berdaftar dengan PBKD yang disimpan sebagai stok.
- ii) **“Pengamal Perubatan Swasta (PPS)”** merujuk hospital atau klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

#### 4. TANGGUNGJAWAB HOSPITAL / KLINIK PERUBATAN SWASTA

- i) Hospital/Klinik perubatan swasta perlu mematuhi mana-mana garis panduan KKM yang berkaitan.
- ii) Hospital/Klinik perubatan swasta yang terlibat perlu memenuhi kriteria dan mengisi dengan lengkap serta menandatangani “surat niat” seperti di Lampiran A kepada hospital KKM yang berkenaan.
- iii) Hospital/Klinik perubatan swasta perlu menguruskan pengangkutan serta menyediakan peralatan yang bersesuaian semasa pengambilan stok dari hospital KKM.
- iv) Hospital/Klinik perubatan swasta perlu membuat penggantian dengan mematuhi ketetapan berikut:
  - Produk penggantian adalah **berdaftar dengan PBKD**.
  - Penggantian dalam tempoh **yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak**.
  - Penggantian dengan **kekuatan ubat yang sama**.
  - Penggantian dengan **pek pembungkusan yang sama**.
  - Penggantian jenama berbeza dengan pek pembungkusan yang sama boleh dipertimbangkan.
  - Tempoh jangka hayat ubat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.
- v) Hospital/Klinik perubatan swasta **tidak dibenarkan** membekal stok yang dipinjamkan oleh hospital KKM kepada hospital/klinik perubatan swasta yang lain.
- vi) Hospital/Klinik perubatan swasta perlu menfailkan dokumen peminjaman bagi tujuan audit dan pemantauan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.


## 5. PROSES KERJA PEMINJAMAN UBAT OLEH HOSPITAL/KLINIK PERUBATAN SWASTA

No	Aktiviti/Proses	Tanggungjawab
1.	a) Kenal pasti hospital KKM yang terdekat dan ubat yang terlibat dengan krisis bekalan. b) Semak <ul style="list-style-type: none"><li>• Baki kedudukan stok semasa.</li><li>• Penggunaan mingguan.</li></ul>	Hospital/Klinik perubatan swasta
2.	Lengkapkan surat niat (Lampiran A) dan ditandatangani oleh pengamal perubatan berdaftar atau ahli farmasi berdaftar.	Hospital/Klinik perubatan swasta
3.	Kemukakan surat niat kepada hospital KKM berhampiran secara serahan, email atau faksimili.	Hospital/Klinik perubatan swasta
4.	Terima kelulusan daripada hospital KKM <ul style="list-style-type: none"><li>a) Hadir ke hospital KKM bersama surat niat asal.</li><li>b) Sediakan peralatan yang bersesuaian semasa pengambilan stok.</li></ul>	Hospital/Klinik perubatan swasta
6.	Terima bekalan dan sahkan penerimaan pada KEW.PS-7.	Hospital/Klinik perubatan swasta
7.	Failkan dokumen berkenaan.	Hospital/Klinik perubatan swasta


## 6. PROSES KERJA PEMULANGAN UBAT OLEH HOSPITAL/KLINIK PERUBATAN SWASTA

No	Aktiviti/Proses	Tanggungjawab
1.	Sediakan pemakluman bertulis kepada Unit Farmasi Logistik (UFL) di hospital KKM melalui pengarah hospital berkenaan.	Hospital/kllinik perubatan swasta
2.	Sediakan stok pemulangan dengan mematuhi ketetapan berikut: a) Produk penggantian adalah <b>berdaftar dengan PBKD</b> . b) Penggantian dengan <b>kekuatan ubat yang sama</b> . c) Penggantian dengan <b>pek pembungkusan yang sama</b> . d) Jenama yang dipersetujui bersama. e) Tempoh jangka hayat ubat yang dipersetujui bersama.	Hospital/kllinik perubatan swasta
3.	Serahkan stok di unit farmasi logistik (UFL) hospital KKM.	Hospital/Klinik perubatan swasta
4.	Failkan dokumen berkenaan.	Hospital/Klinik perubatan swasta

## 7. CARTA ALIR PEMINJAMAN UBAT OLEH HOSPITAL/KLINIK PERUBATAN SWASTA.



## 8. CARTA ALIR PEMULANGAN UBAT OLEH HOSPITAL / KLINIK PERUBATAN SWASTA.



No Rujukan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

(NAMA &amp; ALAMAT HOSPITAL PEMINJAM)

Tuan/Puan,

**SURAT NIAT PEMINJAMAN UBAT-UBATAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat peminjaman ubat/ubat-ubatan bagi kegunaan \_\_\_\_\_

(*nama hospital/klinik memohon*) **SAHAJA**. Senarai ubat/ubat-ubatan adalah seperti berikut:

Bil	Nama Ubat	Kegunaan Mingguan (SKU)	Baki Stok Terkini (SKU)	Kuantiti Dimohon (SKU)	Kegunaan Hospital KKM
					Cadangan kuantiti (PKU)

3. Pihak kami juga bersetuju membuat penggantian stok yang dipinjamkan dengan memenuhi syarat-syarat penggantian di bawah:

- i) Produk penggantian adalah berdaftar dengan PBKD.
- ii) Penggantian dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- iii) Penggantian dengan kekuatan ubat yang sama.
- iv) Penggantian dengan pek pembungkusan yang sama.
- v) Jenama yang dipersetujui bersama.
- vi) Tempoh jangka hayat ubat yang dipersetujui bersama.

4. Saya mengakui bahawa kesemua perkara di atas adalah benar dan tepat.

Sekian, terima kasih

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan & cop rasmi)**Nama Penuh:****No Kad Pengenalan:****No MMC/RPh:****Alamat hospital/klinik amalan :****UNTUK KEGUNAAN HOSPITAL KKM****(LULUS/TIDAK LULUS)**\_\_\_\_\_  
Pegawai Pelulus (Pengarah Hospital)  
(Nama & cop rasmi)

Tarikh:

Nota: Surat niat yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Hospital KKM yang berkenaan melalui serahan, emel atau mesin faksimili

SKU: *stock keeping unit* contoh biji, vial, botol dll.

PKU: *Packing Keeping Unit* contoh kotak/karton dll.